Headline	Syarikat serah zakat RM14.3juta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	23
ArticleSize	536 cm²	Journalist	Syahidatul Akmal
PR Value	RM 27,429		

Syarikat serah zakat RM14.3juta

Sultan Selangor berkenan hadir majlis berbuka puasa bersama rakyat

SYAHIDATUL AKMAL
DUNYA

SHAH ALAM

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat dan penyampaian sumbangan hari raya di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Dalam majlis itu, baginda turut berkenan menerima zakat perniagaan daripada empat syarikat berjumlah RM14.3juta dan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 441 individu antaranya asnaf fakir, miskin dan asnaf mualaf.

Kesemua mereka menerima sumbangan zakat sebanyak RM500 setiap seorang melibatkan jumlah zakat sebanyak RM220, 500.

Empat syarikat yang menyampaikan zakat perniagaan bagi tahun berakhir 2017 ialah Tenaga Nasional Berhad sebanyak RM4.7juta; Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) (RM4.3juta).

Manakala, UMW Holdings Berhad (RM2.6juta) dan Kumpulan Worldwide Holdings Berhad sebanyak (RM2.5juta).

Baginda serta para hadirin kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah.

Baginda diiringi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohammed Khusrin Munawi; Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Abdul Wahid dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Haris Kasim, Ketua Pegawai Penyelaras, Abdul Basith Hamid serta ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri.

info

EMPAT SYARIKAT SERAH ZAKAT PERNIAGAAN

- Tenaga Nasional Berhad
- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- UMW Holdings Berhad
- Kumpulan Worldwide Holdings Berhad

Powered by: iSENTIA

Headline	Syarikat serah zakat RM14.3juta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	23
ArticleSize	536 cm²	Journalist	Syahidatul Akmal
PR Value	RM 27,429		

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan daripada TNB yang diwakili Pengurus Besar Perkhidmatan Pelanggan Negeri Selangor, Datuk Mohd Zahir Md Nagoor di Dewan Muzakarah dan Syarahan, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan duit raya kepada asnaf di majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Powered by: iSENTIA